

Amerika punca, penyelesai pemanasan global

B.H M/S 12 26/01/07



Horizon

Bersama

Khaidir Majid

E-mel: qidir@bharian.com.my

'GLOBAL warming' atau pemanasan global kini menjadi topik hangat. Minggu ini, Forum Ekonomi Dunia membincangkannya di Davos, Switzerland. Presiden George W Bush juga menyentuhnya dalam ucapan dasar tahunannya Rabu lalu, walaupun tidak menyebut istilah berkenaan secara khusus.

Bulan depan kira-kira 80 ahli Parlimen kanan daripada seluruh dunia akan membincangkan topik itu pada satu forum di Washington.

Tidak syak lagi isu pemanasan global semakin panas. Konsep yang sebelum ini agak abstrak bagi kebanyakan orang, selain saintis, sudah jelas difahami ramai. Malah, pemanasan global bukan hanya difahami, tetapi mula dirasai seluruh penduduk dunia.

Kawasan jarang dilanda banjir, kini ditenggelami air berikutan hujan lebat berterusan yang tidak pernah dialami sebelum ini. Taufan pula semakin kerap berlaku dan lebih ganas daripada dulu. Suhu pada musim panas di sesetengah



TIDAK DIJANGKA: Cuaca yang tidak menentu akibat daripada pemanasan global mengakibatkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

negara menjangkau paras selesa sehingga haiwan lari ke bandar mencari tempat berteduh.

Petani di seluruh dunia juga mula mengeluh. Hasil cucuk tanam sudah mula menunjukkan kemerosotan mendadak dan mereka di bandar pula tidak terlepas

daripada azab fenomena cuaca seperti banjir, puting beliung dan ribut yang lebih kerap berlaku, lantas banyak menjejaskan kegiatan harian.

Isu pemanasan global memang sudah lama dibincangkan saintis. Malah, dunia sudah mengambil langkah dengan meng-

asan global

gubal perjanjian antarabangsa digelar Protokol Kyoto untuk membendungnya. Namun, masih ada yang tidak yakin pemanasan global satu ancaman atau kegiatan manusia adalah punca utama fenomena itu.

Amerika Syarikat, negara dianggap pencemar terbesar alam sekitar, enggan mengesahkannya. Berikutan sikap dingin kuasa besar itu, masyarakat antarabangsa masih berbalah sama ada usaha membendung pemanasan global perlu dibuat sekarang atau dilengahkan. Mengapakah Amerika bersikap dingin?

Isu pemanasan global adalah sesuatu yang serius dan pada masa sama rumit. Ia rumit kerana kebanyakan pencemaran udara menyebabkan pemanasan global dilakukan kegiatan yang memberi manfaat kepada manusia.

Misalnya, setiap kali kita menghidupkan enjin kereta, kita menyumbang kepada pengeluaran asap yang menambahkan pencemaran udara. Namun, ratusan juta penduduk dunia bergantung kepada kenderaan untuk menjalankan kehidupan harian mereka.

Asap dari kilang dikatakan banyak menyumbang kepada pencemaran udara dan air, namun kilang banyak memberi peluang pekerjaan dan mengeluarkan produk untuk kegunaan dan kebaikan manusia.

Bagi menghentikan pemanasan global secara mendadak, kita perlu menghentikan semua kegiatan ini. Dalam keadaan sekarang, sudah tentu ia sesuatu mustahil dilakukan. Dalam pada itu, ada yang enggan bertindak mengurangkan pencemaran atas alasan takut kos meningkat, menyebabkan daya saingan di pasaran terhakis.

Apa yang boleh diharapkan ialah teknologi baru dibangunkan dan bahan api bukan fosil banyak digunakan untuk mengurangkan pencemaran.

Itu pun masyarakat antarabangsa masih berbalah. Ada yang masih bertanya, termasuk di kalangan saintis, apakah benar dunia ini semakin panas dan apakah kegiatan manusia punca sebenar pemanasan global?

Malah, ada yang menyoal apakah benar pemanasan global menjadi penyebab perubahan cuaca dialami sekarang? Bagi yang lain pula, mereka berhujah, keadaan sebenarnya tidak begitu meruncing dan dunia mempunyai banyak lagi masa untuk bertindak membendung pemanasan global.

Dalam keadaan seperti itu dan tanpa kepemimpinan Amerika, tidak mungkin isu pemanasan global diambil serius oleh kerajaan di seluruh dunia. Bayangkan jika isu memerangi keganasan tidak dipelopori Amerika, apakah isu berkenaan boleh menjadi tumpuan seluruh dunia seperti dilihat sekarang? Taufan Katrina dua tahun lalu sudah memberi peringatan.

Apakah perlu tunggu satu lagi bencana sebelum bertindak? Seperti dilakukan selepas serangan berdarah 11 September, Amerika sepatutnya selepas taufan Katrina mengisytiharkan pencemar alam sekitar adalah musuh yang perlu diburu dan dihapuskan seperti pengganas yang mengugut keamanan.